



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KORELASI ANTARA AMALAN BELAJAR DAN PENCAPAIAN
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU DI
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

NUR HAYATI BINTI BADARUDDIN

FPP 1999 70

**KORELASI ANTARA AMALAN BELAJAR DAN PENCAPAIAN
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU DI
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh

NUR HAYATI BINTI BADARUDDIN

**Projek Kajian Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian Syarat
Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

MAC 1999



PENGHARGAAN

Alhamdullillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan segala limpah hidayat-Nya, kerana dapat menyiapkan projek ini bagi memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Master Sains.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia Projek, Dr. Rohani Ahmad Tarmizi atas segala kesabaran dan dedikasi beliau dalam menunjuk ajar, membimbing serta memberi pandangan sepanjang penghasilan projek ini. Segala usaha beliau amatlah disanjung dan dihargai. Semoga Allah yang membalias jasa baik beliau.

Dalam kesempatan ini juga, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan serta rakan-rakan seperjuangan program Master Sains, atas segala ilmu yang dicurahkan semasa mengikuti kuliah dan perbincangan, dapat dimanfaatkan semasa menghasilkan projek ini.

Tidak dilupakan kepada Pengetua, guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur yang memberikan kerjasama bagi menghasilkan projek ini. Semoga projek ini dapat dijadikan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

KANDUNGAN

| Isi Kandungan | Halaman |
|---|----------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| SENARAI JADUAL | vi |
| SENARAI RAJAH | viii |
| ABSTRAK | ix |
| ABSTRACT | xii |
| BAB | |
| I LATAR BELAKANG KAJIAN | 1 |
| Pengenalan | 1 |
| Pernyataan Masalah | 6 |
| Objektif Kajian | 8 |
| Kepentingan Kajian | 11 |
| Batasan Kajian | 13 |
| Persoalan Kajian | 14 |
| Definisi Konseptual:..... | 17 |
| Amalan Belajar | 17 |
| Menyediakan jadual waktu dan bahan pembelajaran | 18 |
| Mendengar | 19 |
| Membaca | 19 |
| Membuat latihan atau tugas | 19 |
| Persediaan menghadapi peperiksaan | 19 |
| Menghadapi peperiksaan | 20 |

| | |
|--|----|
| Pencapaian dalam Bahasa Melayu | 20 |
| Aliran..... | 20 |
| Aliran sains | 20 |
| Aliran sastera | 21 |
| Keturunan | 21 |
| II SOROTAN KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN | |
| Teori Pembelajaran | 22 |
| Teori Pembelajaran Tingkah Laku..... | 23 |
| Kajian-kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian | 25 |
| Kajian-kajian tentang amalan belajar | 26 |
| Hubungan antara amalan belajar dengan pencapaian..... | 29 |
| Hubungan antara amalan belajar dengan jantina | 37 |
| III METODOLOGI PENYELIDIKAN | |
| Reka bentuk penyelidikan..... | 41 |
| Kerangka konsep | 42 |
| Persampelan | 45 |
| Instrumen Kajian | 45 |
| Ujian Rintis..... | 49 |
| Analisis Data..... | 52 |

| | |
|---|-----------|
| IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN..... | 53 |
| Pengenalan..... | 53 |
| Sampel kajian..... | 54 |
| Tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu..... | 57 |
| Tahap amalan mata pelajaran Bahasa Melayu | 58 |
| Korelasi antara tahap amalan belajar dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu | 72 |
| Korelasi aspek-aspek amalan belajar dengan pencapaian | 74 |
| Perbezaan tahap amalan belajar antara jantina..... | 77 |
| Perbezaan tahap amalan belajar antara aliran | 83 |
| Perbezaan tahap amalan belajar antara keturunan | 86 |
| V KESIMPULAN DAN CADANGAN | 89 |
| Kesimpulan..... | 89 |
| Cadangan..... | 92 |
| Cadangan untuk kajian lanjutan..... | 93 |
| BIBLIOGRAFI..... | 95 |
| LAMPIRAN..... | 99 |
| Soal selidik amalan belajar | 99 |

Senarai Jadual

| Jadual | Halaman |
|---|---------|
| 1 Bilangan item soal selidik amalan belajar | 47 |
| 2 Skor bagi jawapan soal selidik | 48 |
| 3 Gambaran tahap amalan belajar | 49 |
| 4 Nilai Kebolehpercayaan item-item soal selidik | 51 |
| 5 Bilangan sampel mengikut jantina | 54 |
| 6 Bilangan sampel mengikut aliran | 55 |
| 7 Bilangan sampel mengikut keturunan | 55 |
| 8 Jadual kekerapan pencapaian Bahasa Melayu | 57 |
| 9 Skor Min Item-item Soal Selidik | 59 |
| 10 Jadual kekerapan dan skor min aspek penyediaan jadual waktu dan bahan pembelajaran | 61 |
| 11 Jadual kekerapan dan skor min aspek mendengar dalam amalan belajar | 63 |
| 12 Jadual kekerapan dan skor min aspek membaca dalam amalan belajar | 65 |
| 13 Jadual kekerapan dan skor min aspek membuat latihan atau tugasan dalam amalan belajar | 66 |
| 14 Jadual kekerapan dan skor min aspek persediaan menghadapi peperiksaan dalam amalan belajar | 68 |

| | | |
|----|--|----|
| 15 | Jadual kekerapan dan skor min aspek menghadapi peperiksaan dalam amalan belajar | 70 |
| 16 | Jadual korelasi antara tahap amalan belajar dengan pencapaian Bahasa Melayu | 72 |
| 17 | Indeks korelasi antara dua pemboleh ubah mengikut Guilford | 73 |
| 18 | Perbezaan tahap amalan belajar antara jantina berasaskan soal selidik amalan belajar | 77 |
| 19 | Perbezaan tahap amalan belajar antara aliran berasaskan soal selidik amalan belajar | 83 |
| 20 | Perbezaan tahap amalan belajar antara keturunan berasaskan soal selidik amalan belajar | 86 |

Senarai Rajah

| Rajah | Halaman |
|-------------------------------|---------|
| 1 Kerangka konsep kajian | 44 |

**Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat
bagi mendapatkan ijazah Master Sains.**

**KORELASI ANTARA AMALAN BELAJAR DAN PENCAPAIAN
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh:

NUR HAYATI BINTI BADARUDDIN

MAC 1999

Penyelia : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada wujud korelasi antara amalan belajar dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu bagi kumpulan pelajar Tingkatan Empat. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk menentukan tahap amalan belajar yang diamalkan oleh pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu serta perbezaan antara tahap amalan belajar berdasarkan jantina, aliran dan juga keturunan.

Sampel kajian terdiri daripada 165 orang pelajar Tingkatan Empat aliran sains dan sastera. Soal selidik yang dikemukakan

kepada sampel kajian merupakan enam aspek amalan belajar iaitu ‘Menyediakan jadual waktu dan bahan pembelajaran,’ ‘Mendengar,’ ‘Membaca,’ ‘Membuat latihan atau tugasan,’ ‘Membuat persediaan untuk peperiksaan’ dan ‘Menghadapi peperiksaan.’ Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, analisis korelasi Spearman dan ujian-t bagi menentukan sama wujud perbezaan tahap amalan belajar.

Dapatan kajian menunjukkan 64.9 peratus pelajar mendapat pangkat kepujian dan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, menggambarkan pencapaian yang sederhana.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan pelajar mengamalkan aspek-aspek amalan belajar pada tahap yang sederhana dengan min 3.5 (skor antara 1 hingga 5), dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu.

Analisis korelasi mendapati wujudnya korelasi yang lemah antara aspek-aspek amalan belajar yang dikaji secara keseluruhan dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu, $r(165) = .18$, $p < .05$

Perbandingan antara jantina bagi aspek-aspek amalan belajar menggunakan ujian-t menunjukkan tahap amalan belajar kumpulan pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki, $t(165) = -3.59$, $p < .05$. Dapatan kajian menunjukkan tidak

wujud perbezaan yang signifikan bagi aspek-aspek amalan belajar antara aliran sains dan sastera. Tahap amalan belajar yang dibandingkan antara kumpulan pelajar berlainan keturunan menunjukkan pelajar keturunan Melayu mengamalkan amalan yang lebih baik daripada pelajar bukan Melayu, $t(165) = 2.15, p < .05$.

Daripada kajian ini dirumuskan bahawa wujud korelasi yang lemah antara aspek-aspek amalan belajar dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, tahap amalan belajar hanya mempengaruhi pencapaian Bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan Empat pada tahap yang sedikit sahaja.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements
for the Degree of Master Science.

**CORRELATION BETWEEN STUDY BEHAVIOUR AND
ACHIEVEMENT IN THE SUBJECT OF BAHASA MELAYU
OF FORM FOUR PUPILS.**

By
NUR HAYATI BINTI BADARUDDIN
MAC, 1999

Supervisor : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi
Faculty : Faculty of Educational Studies

This study sought to investigate the correlation between the study behaviour and achievement in the subject of Bahasa Melayu of Form Four in a selected school. It also attempted to determine differences in study behaviour between students of different gender, streaming and races.

The subject of the study comprised of 165 Form Four pupils from the science and arts classes. The questionnaires which measure six aspects of study behaviour were used to assess the study behaviour of the pupils. The six aspects are 'Making a

schedule and acquiring learning materials,' 'Listening,' 'Reading,' 'Writing,' 'Preparing for test' and 'Sitting for test.'

The statistical procedures used in analysing the data were frequency and percentage counts, Spearman Correlation Coeficients and t-tests. The findings showed that 64.9 percent of the pupils achieved credits and distinctions in Bahasa Melayu subject, indicating an average performance.

Findings on study behaviour indicated that overall study behaviour of the students fall on the average category with a mean of 3.5 (scores ranging from 1 to 5). The responses indicated that students are positive towards subscale 'Sitting for test.'

Comparison of overall study behaviour showed that female students are significantly better than their male counterparts, $t(165)=-3.59$, $p < .05$. There was no significant difference in study behaviour between the pupils from the science and arts classes. In addition, the findings indicated that the Malay pupils exhibit significantly better study behaviour than the non-Malays, $t (165) = 2.15$, $p < .05$.

The findings also showed a weak correlation between study habits and achievement of Bahasa Melayu among the Form Four

students, $r(165) = .18$, $p <.05$. Thus it can be implied that study behaviour had only a weak effect upon the achievement of the Form Four pupils in the subjects of Bahasa Melayu.

BAB I

LATAR BELAKANG KAJIAN

PENGENALAN

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1983 telah menitikberatkan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira dengan pengantar bahasa Melayu di samping memberi pendidikan untuk pembinaan sahsiah diri dan akhlak yang tinggi serta pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar dengan pengantar bahasa Melayu.

Asimilasi ilmu yang bermula pada peringkat KBSR ini diteruskan pada peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) melalui pemelajaran pelbagai disiplin dengan pengantar bahasa Melayu. KBSM yang dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1989 menekankan konsep bahasa merentas kurikulum iaitu aspek bahasa diberi penekanan dalam mata-mata pelajaran lain. Bahasa Melayu Merentas

Kurikulum ini memberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar meningkatkan kemahiran berbahasa untuk membolehkan mereka melahirkan pemikiran yang logis, kritis dan analitis dengan menggunakan bahasa yang tepat, berkesan dan gramatis.

Bagi pelajar peringkat sekolah menengah, pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PMR dan SPM merupakan syarat untuk mendapat kelulusan bagi peperiksaan tersebut. Pada peringkat SPM, pencapaian dalam Bahasa Melayu akan menentukan kualiti sijil yang akan diperoleh. Kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menyebabkan seseorang pelajar gagal dalam keseluruhan peperiksaan tersebut, walaupun mendapat keputusan yang baik dalam mata-mata pelajaran yang lain. Umpamanya pada tahun 1981, seramai lima ribu orang pelajar Melayu gagal mendapat gred satu dalam peperiksaan SPM kerana tidak mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Awang Sariyan, 1984).

Abdul Hamid Mahmood (1993) menyatakan, kajian ke atas tiga golongan pelajar yang mengambil peperiksaan SPM, STPM dan matrikulasi menunjukkan masih ramai pelajar, baik pelajar

bumiputera mahupun bukan bumiputera belum mempunyai kecekapan berbahasa Melayu secara lisan juga penulisan.

Walaupun tahap pencapaian penggunaan bahasa Melayu sudah dapat dibanggakan berbanding dengan keadaannya sepuluh atau dua puluh tahun lampau, namun pencapaian bahasa ini dalam peperiksaan penting masih lagi pada tahap yang kurang memuaskan. Zulkifley Hamid (1994) menyatakan, secara umum taraf pencapaian para pelajar di Malaysia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat menyedihkan. Peratusan pelajar yang mencapai taraf cemerlang amat kecil, manakala peratusan yang gagal dan yang hanya mencapai taraf sekadar lulus amat tinggi.

Koh Boh Boon (1996) dalam kajiannya tentang kebolehan dalam aspek penulisan karangan Bahasa Melayu mendapati kira-kira dua pertiga (67.5%) daripada sampelnya berpencapaian sederhana manakala hampir satu pertiga berada pada tahap lemah atau sangat lemah.

Pencapaian yang kurang memuaskan dalam mata pelajaran ini menggambarkan sebahagian pelajar belum menguasai kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu sedangkan mereka telah mempelajari bahasa tersebut dan menggunakannya sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun, faktor kejayaan atau kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bukanlah semata-mata bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah sahaja.

Rivers (1964) berpendapat, pembelajaran bahasa adalah proses mekanikal untuk membentuk tabiat . Justeru, aspek-aspek kemahiran tertentu yang berhubung dengan pembelajaran bahasa seperti mendengar, membaca, membuat latihan, menyediakan jadual belajar serta bahan-bahan pembelajaran serta persediaan dan semasa menghadapi peperiksaan perlu dibentuk sebagai tabiat yang akan dijadikan sebagai amalan belajar.

Menurut Tabberer (1985), menggunakan aspek-aspek kemahiran dalam pembelajaran bahasa sehingga menjadi

sebahagian daripada amalan, amat penting untuk suatu pencapaian.

*On the level of habits, it must be recognized that every teacher has a responsibility for offering pupils opportunities to put into use the information and to practise the techniques which have been introduced.....
.....If subject teaching does not enable skills to become effective habits, then pupils will be likely to lose the skills.*

Maddox (1970) dalam bukunya ‘How To Study’ menekankan pencapaian yang baik dalam pembelajaran tidak semata-mata bergantung kepada kebolehan seseorang tetapi melibatkan kaedah belajar serta amalan belajar yang berkesan. Menurutnya, kegagalan pelajar di peringkat universiti atau kolej menggambarkan wujudnya golongan pelajar yang tidak menyedari akan amalan belajar yang berkesan merupakan salah satu faktor ke arah pencapaian akademik yang baik.

Oleh yang demikian, adalah perlu dikaji setakat manakah faktor-faktor lain seperti amalan belajar yang diamalkan oleh pelajar mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut

PERNYATAAN MASALAH

Apabila memperkatakan soal pencapaian pelajar, banyak faktor yang boleh dikaitkan dengannya. Antaranya ialah faktor-faktor pengajaran, kedudukan sosio ekonomi, kelengkapan belajar, motivasi belajar serta amalan belajar oleh pelajar itu sendiri. Faktor-faktor tersebut mempunyai peranan yang tersendiri dalam mempengaruhi pencapaian pelajar

Bagi ahli-ahli psikologi pendidikan, faktor-faktor sosio ekonomi dan persekitaran merupakan faktor luaran yang sukar diubah atau diperbaik oleh pelajar. Antara mereka yang telah menjalankan kajian dalam bidang ini ialah Douglas (1964), Morrison dan McIntyre (1973), dan Marimuthu (1975). Walau bagaimanapun, amalan belajar merupakan faktor yang terdapat dalam diri pelajar itu sendiri. Oleh yang demikian faktor ini adalah dalam bidang kuasa pelajar itu sendiri untuk mengubah atau membaiknya.

Memandangkan Bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran penting dalam sistem pendidikan negara sekarang, maka

pencapaian yang baik bagi mata pelajaran ini dalam peperiksaan adalah perlu bagi pelajar. Sehingga kini masih terdapat aspek kelemahan bahasa yang dihadapi oleh pelajar yang boleh menjelaskan pencapaian mereka. Oleh yang demikian amalan belajar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang diamalkan oleh pelajar mungkin mempunyai pertalian dengan pencapaian yang mereka peroleh, justeru seharusnya dijadikan sebagai rutin yang perlu diikuti.

A study habit is a routine that you follow regularly. Keeping up to date in ready assignments, studying at the same time and place everyday and studying by yourself are study habits.

(Preston, R.C & Botel, 1967)

Amalan belajar juga boleh dikaitkan dengan stail belajar. Menurut Schmeck (1985), stail belajar merupakan gabungan strategi dan proses yang diamalkan oleh pelajar dalam mempelajari sesuatu bahan.

Menurut Gregor (1979), stail belajar meliputi tingkah laku yang merupakan petunjuk tentang bagaimana seseorang belajar dan menyesuaikan dirinya dengan persekitaran . Claxton & Murell

(1987), pula menyatakan stail belajar yang diamalkan mempengaruhi pencapaian pelajaran seseorang. Dengan itu ia boleh dijadikan sebagai satu elemen penting ke arah meningkatkan proses pengajaran kepada peringkat yang lebih tinggi.

Memandangkan amalan atau stail belajar boleh dijadikan sebagai petunjuk dan elemen penting dalam proses pembelajaran, adalah wajar aspek amalan belajar atau stail belajar ini dikaji untuk melihat sejauh manakah perkaitannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara am penyelidikan ini bertujuan untuk menentukan tahap pencapaian serta amalan belajar mata pelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menentukan hubungan antara amalan belajar dengan pencapaian antara pelajar yang berlainan jantina, aliran dan keturunan. Selain itu penyelidikan ini bertujuan untuk

menentukan sama ada wujud perbezaan antara amalan belajar dengan pencapaian antara pelajar berlainan jantina, aliran dan keturunan.

Secara khusus, penyelidikan ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Menentukan sejauh manakah tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dan amalan belajar pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4 sekolah yang dikaji.
2. Menentukan tahap aspek-aspek amalan belajar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4.
3. Menentukan sama ada wujud korelasi antara amalan belajar secara keseluruhan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4.
4. Menentukan sama ada wujud korelasi antara aspek-aspek amalan belajar dengan pencapaian Bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4.

5. Menentukan sama ada wujud perbezaan amalan belajar secara keseluruhan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di kalangan pelajar Tingkatan 4.
6. Menentukan sama ada wujud perbezaan aspek-aspek amalan belajar mengikut aspek-aspek berikut antara pelajar lelaki dengan perempuan di kalangan pelajar Tingkatan 4.
7. Menentukan sama ada wujud perbezaan amalan belajar secara keseluruhan antara pelajar aliran sains dengan pelajar aliran sastera.
8. Menentukan sama ada wujud perbezaan amalan bagi setiap aspek berikut antara pelajar aliran sains dengan aliran sastera di kalangan pelajar Tingkatan 4.
9. Menentukan sama ada wujud perbezaan amalan belajar secara keseluruhan antara pelajar keturunan Melayu dengan pelajar bukan Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4.